

## **Tahap Pengetahuan Pelajar IPTA Terhadap Isu Jenayah Pemerdagangan Orang: Satu Dapatan Awal di Universiti Malaysia Sabah**

*The level of knowledge among university students on the Criminal of human Trafficking: A Preliminary Findings in University Malaysia Sabah*

Norcikeyonn Samuni & Nor-Ina Kanyo  
 Universiti Malaysia Sabah.  
 email: uncuyunn89@yahoo.com

### **Abstrak**

Isu jenayah pemerdagangan orang adalah merupakan antara ancaman keselamatan utama yang melanda masyarakat di kebanyakan negara-negara di dunia. Jenayah ini telah berlaku sejak berabad lampau melalui konsep hamba abdi yang telah diamalkan. Maruah dan hak kebebasan mangsa diperdagangkan tanpa nilai kemanusiaan. Dunia perlu berdepan permasalahan ini, penyelesaian perlu dirangka dan diperkasa bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang secara holistik. Jenayah pemerdagangan manusia yang serius boleh menjelaskan imej negara terutama dari aspek keselamatan dan pihak kerajaan komited dalam usaha menanganinya. Walau bagaimanapun, pengetahuan dan pemahaman masyarakat masih lagi rendah terhadap isu yang melibatkan jenayah pemerdagangan orang adalah menjadi permasalahan bagi memperkuuhkan tindakan membasmikan jenayah ini. Oleh hal yang demikian, artikel ini cuba mengenalpasti sejauhmana tahap pengetahuan khususnya bagi golongan akademik yang terdiri daripada pelajar yang menuntut ilmu di peringkat institusi pengajian tinggi awam mengenai isu jenayah pemerdagangan manusia. Warga kampus terutamanya golongan pelajar IPTA adalah antara peneraju legasi tamadun masa kini dan pelbagai pendedahan ilmu berkaitan isu semasa sosial telah giat disumbat dalam minda generasi ini. Namun demikian, adakah golongan akademik ini mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap isu jenayah pemerdagangan manusia?, seiring dengan tahap pendidikan tinggi khususnya dalam aspek undang-undang dan penguatkuasaan jenayah pemerdagangan manusia. Justeru itu, artikel ini akan menjelaskan secara terperinci tahap pengetahuan pelajar IPTA (UMS) mengenai isu jenayah pemerdagangan manusia sebagai satu dapatan awal di peringkat dunia kampus.

**Kata Kunci** Isu jenayah pemerdagangan orang, pelajar IPTA, tahap pengetahuan, Universiti Malaysia Sabah

### **Abstract**

The issue on smuggling of human beings is a major security threat faced by society in countries all over the world. This crime has been happening for centuries in which the concept of slavery practiced. Dignity and freedom of victims was traded without human values. This problem needs to be issued where the existing solutions must to be developed and strengthened in order to combat human trafficking holistically. A critical case of human trafficking can affect the image of the country especially in terms of safety. Therefore, the government must be committed to put a stop to it. However, the poor knowledge and understanding of the community regarding this issue has prevented the effort to eradicate this crime. Therefore, this paper will attempt to determine the level of knowledge on the issue of human trafficking crimes among academicians, specifically students in the higher education. University students are the future leaders of the present civilization legacy and have been exposed to various social issues. However, is the knowledge level on the issue of human trafficking crimes and law enforcement among students in line with their education level? This paper will explain in detail the level of knowledge of university students in UMS on the issue of trafficking of persons which will serve as a preliminary study in the campus.

**Keywords** Trafficking in persons, university student, knowledge level, University Malaysia of Sabah

### **PENDAHULUAN**

Jenayah pemerdagangan orang bukanlah suatu isu baru dan ia melibatkan jenayah rentas sempadan yang kian mendapat tempat dan menjadi topik hangat yang diperkatakan oleh masyarakat dunia. Sedar ataupun tidak, ratusan ribu manusia kehilangan hak asasi mereka sebagai manusia. Terdapat beberapa pihak yang

menafikan hak-hak sesetengah golongan manusia yang lain dengan melakukan pelbagai penganiayaan dan juga penderaan sama ada dari aspek fizikal, mental, emosi, pengabaian pendidikan dan lain-lain lagi. Hal yang demikian ini menuntut keprihatinan dan usaha yang komprehensif serta konsisten oleh semua pihak khususnya bagi negara-negara yang masih berada pada senarai pemerhatian Tahap 3 dan juga Tahap 2 khususnya Malaysia.

Salah satu inisiatif untuk membantu masyarakat agar tidak terjerumus ke dalam kancang jenayah ini adalah dengan cara memberi kesedaran dengan menyalurkan maklumat secara meluas mengenai isu jenayah ini kepada masyarakat umum. Namun demikian, situasi sebenar kepada tahap pengetahuan masyarakat dalam isu jenayah ini perlu dikaji agar proses penambahbaikan serta cadangan pemerkasaan program kesedaran bagi isu jenayah ini dapat dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Dalam artikel ini, penelitian terhadap tahap pengetahuan terhadap isu jenayah pemerdagangan orang akan dibincangkan secara menyeluruh. Penelitian ini memfokuskan kepada penglibatan pelajar IPTA (UMS). Pelajar IPTA (UMS) adalah merupakan golongan akademik yang melalui proses pengajian tinggi (universiti) dalam tahap pendidikan negara. Oleh itu, artikel ini cuba mengenalpasti sejauhmanakah tahap pengetahuan pelajar terhadap isu jenayah pemerdagangan orang dalam konteks pengetahuan pelajar IPTA (UMS)? Adakah tahap pengetahuan golongan akademik dalam kajian ini pada tahap tinggi seiring dengan tahap pendidikan universiti mahupun sebaliknya?. Hasil kajian yang dilakukan adalah merupakan cerminan kepada pengetahuan masyarakat umum dalam isu jenayah pemerdagangan manusia. Jika tahap pengetahuan pelajar IPTA terhadap isu jenayah ini adalah rendah, hal ini juga memberi cerminan negatif kepada masyarakat awam yang mempunyai pendidikan rendah. Bahagian selanjutnya akan membincangkan panorama isu jenayah ini dalam konteks pengetahuan masyarakat.

### **Panorama Isu Jenayah Pemerdagangan Orang Dalam Konteks Pengetahuan Masyarakat**

Jenayah pemerdagangan orang adalah merupakan suatu lagi senario serius yang melanda dunia secara global. Hal yang demikian ini menunjukkan bahawa dunia sedang berdepan dengan konflik pemerdagangan manusia yang berada pada tahap membimbangkan dan memerlukan keprihatinan daripada semua pihak. Pemerdagangan orang merupakan trend perlakuan jenayah kini dan juga masalah sosial yang membawa impak negatif terhadap sesebuah masyarakat mahupun pembangunan sesebuah negara. Secara numeriknya, mangsa pemerdagangan manusia di Malaysia dilaporkan terdiri daripada dua juta pekerja asing yang sah dan 1.9 juta adalah merupakan pekerja asing tanpa izin di Malaysia. Golongan ini berhijrah secara sukarela ke Malaysia dari negara-negara jiran seperti Indonesia, Nepal, India, Thailand, China, Filipina, Myanmar, Kemboja, Bangladesh, Pakistan, dan Vietnam untuk mencari peluang ekonomi yang lebih besar (Laporan TIP, 2012). Jenayah pemerdagangan manusia juga merupakan jenayah yang melibatkan perentasan sempadan sesebuah negara dan ia adalah jenayah kejam kerana melibatkan perdagangan hak asasi seseorang manusia.

Datuk Seri. Mahmood Adam iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Malaysia merangkap Pengurus Majlis Antipemerdagangan Orang dan Anti penyeludupan Migrant (MAPO) telah menjelaskan bahawa jenayah pemerdagangan orang adalah merupakan sebuah landskap jenayah di alaf baru. Hal ini kerana, pemahaman masyarakat khususnya terhadap isu jenayah ini masih lagi belum meluas. Masyarakat awam bukan sahaja tidak memahami dengan jelas isu jenayah ini, malahan dalam kalangan agensi penguatkuasa juga belum mahir sepenuhnya akan selok belok situasi jenayah transnasional ini (Bernama, 25 Januari 2011). Pelbagai usaha dan pendekatan telah dilaksanakan di peringkat agensi penguatkuasa, sistem pendidikan dan media massa bagi memastikan maklumat mengenai isu jenayah pemerdagangan orang ini dapat disampaikan secara telus dan berkesan kepada masyarakat.

Melihat kepada isu pengetahuan dan kefahaman dalam kalangan masyarakat masih rendah terhadap isu jenayah ini, maka dengan ini kajian ini perlu untuk dilaksanakan bagi mengenal pasti sejauh mana tahap pengetahuan masyarakat terhadap isu jenayah pemerdagangan orang dan bagaimana proses penyebaran maklumat yang dijalankan oleh agensi penguatkuasa dapat memberikan pengaruh kepada peningkatan tahap pengetahuan masyarakat. Dalam konteks penulisan artikel ini, isu yang menjadi fokus utama adalah mengenai tahap pengetahuan terhadap isu jenayah pemerdagangan orang dalam konteks masyarakat kampus yang terdiri dalam kalangan pelajar IPTA (UMS). Responden kajian adalah seramai 450 orang pelajar yang belajar di pelbagai peringkat pendidikan yang ditawarkan di Universiti Malaysia Sabah. Hasil

analisis berdasarkan borang kaji selidik yang diedarkan adalah merupakan dapatan awal bagi penulisan artikel ini.

Menurut Norcikeyonn & Nor-Ina (2013), senario peningkatan kadar jenayah pemerdagangan orang ini mampu untuk dibanteras dan diatasi sekiranya pihak kerajaan Malaysia menjalankan pelbagai pendekatan khususnya yang melibatkan aspek perundungan pada peringkat awal dengan memperlihatkan komitmen yang tinggi. Hal yang demikian ini dibuktikan apabila pihak kerajaan Malaysia telah melakukan pelbagai inisiatif seperti pelaksanaan undang-undang Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyaludupan Migran ATIPSOM 2007, melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015) dan juga kempen kesedaran bagi membantu masyarakat umum mengetahui secara jelas akan keseriusan isu jenayah pemerdagangan orang ini kerana ianya melibatkan aspek keselamatan diri. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr Wan Junaidi Jaafar menyatakan bahawa kerajaan terus berusaha meningkatkan inisiatif nasional untuk membanteras jenayah pemerdagangan orang khususnya dalam aspek penambahbaikan kepada elemen perlindungan mangsa (Sinar Harian, 25 Jun 2013).

Badan bukan kerajaan (NGO) juga turut tidak ketinggalan dalam membantu kerajaan menjalankan kempen kesedaran dan input-input berguna yang melibatkan jenayah ini. Misalnya, *The Body Shop* telah mengadakan satu Majlis Penyerahan 10,000 tandatangan untuk menunjukkan tanda protes dan menyeru untuk menghentikan kegiatan eksloitasi seks kepada wanita dan kanak-kanak bawah umur (MAPO, 2011). Hal yang demikian ini menunjukkan, jenayah pemerdagangan manusia adalah merupakan jenayah yang mampu menarik keprihatinan dan komitmen pelbagai pihak untuk tampil membantu pihak kerajaan dalam membantu masyarakat mengetahui dan memahami isu jenayah dengan lebih mendalam. Jenayah pemerdagangan manusia adalah merupakan suatu permasalahan serius yang memerlukan pemerhatian kritikal oleh semua pihak khususnya kepada masyarakat awam. Dato Seri Mahmood Adam iaitu Pengurus Majlis Antipemerdagangan Orang merangkap Ketua Setiausaha Kementerian dalam Negeri menyatakan bahawa kesedaran masyarakat Malaysia tertang isu jenayah pemerdagangan orang masih lagi rendah.

Laporan Pemerdagangan Manusia (TIP) oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat telah menganggarkan keuntungan yang berjaya diraih oleh jenayah pemerdagangan orang di negara tersebut mencecah AS\$1 bilion hingga AS\$3 bilion setahun bersamaan RM3.5 bilion hingga RM10.5 bilion setahun, (Utusan Melayu, 01 Oktober 2009). Pusat Transaksi Laporan dan Analisis Australia (AUSTRAC) pula menganggarkan keuntungan yang diraih daripada kegiatan pemerdagangan orang adalah US\$10 billion hingga US\$31.6 billion setahun atau US\$13,000 bagi setiap mangsa berdasarkan kepada Pertubuhan Buruh Sedunia (ILO), (Bernama, 20 Julai 2010). Hal ini jelas menggambarkan bahawa jenayah ini mampu menjana pendapatan yang tinggi dengan tindakan memperdagangkan hak asasi seseorang manusia. Susulan daripada kegiatan yang tidak bermoral ini, ramai manusia telah kehilangan hak asasi, maruah dan juga kebebasan mereka. Suruhanjaya hak asasi manusia (SUHAKAM) mengesyorkan supaya tahap kesedaran (*awareness*) mengenai jenayah pemerdagangan orang dalam kalangan semua peringkat masyarakat khususnya wanita dan kanak-kanak perlu dipertingkatkan lagi (Laporan SUHAKAM 2012:81). Pemerdagangan orang adalah jenayah yang paling cepat berkembang di dunia, lebih kurang 27 juta penduduk dunia menjadi mangsa pemerdagangan orang (*New Sabah Times*, 25 Mei 2013).

Tahap pengetahuan masyarakat mengenai jenayah pemerdagangan orang ini masih lagi dipersoalkan sama ada masyarakat mengetahui secara jelas mengenai jenayah ini mahupun sebaliknya. Malah, masih ramai lagi yang tidak memahami definisi sebenar yang dimaksudkan dengan pemerdagangan manusia (Bernama, 30 Mac 2011). Jenayah pemerdagangan manusia yang serius mampu menjelaskan imej negara terutama dari aspek keselamatan dan pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia bagi membanteras jenayah ini. Namun demikian, pengetahuan dan pemahaman masyarakat masih lagi rendah terhadap isu yang melibatkan jenayah pemerdagangan orang. Memetik kenyataan artikel Norcikeyonn & Nor-Ina (2014a), pengetahuan yang mendalam terhadap segala aspek berkaitan jenayah ini haruslah diterapkan ke dalam minda masyarakat sebagai persiapan atau senjata yang boleh membantu masyarakat umumnya dari terjerumus ke dalam kancan jenayah pemerdagangan manusia seterusnya menjadi mangsa yang teraniaya. Tahap pengetahuan mengenai isu jenayah pemerdagangan manusia bagi golongan akademik yang terdiri daripada pelajar yang menuntut ilmu di peringkat institusi pengajian tinggi adalah menjadi permasalahan utama kepada kajian ini. Kajian ini akan menguji sejauhmana tahap pengetahuan golongan akademik atau para ilmuwan ini terhadap isu jenayah pemerdagangan orang dengan masyarakat luar sekaligus membuat perbandingan. Sekiranya penemuan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan golongan akademik ini adalah rendah dan ia sekali gus menunjukkan juga tahap pengetahuan masyarakat luar yang tidak berpendidikan lebih rendah.

Dalam konteks penulisan artikel ini, wujud persoalan yang perlu dicari jawapannya iaitu sejauhmanakah tahap pengetahuan dan juga kefahaman pelajar IPTA (UMS) isu jenayah pemerdagangan orang? Adakah pelajar IPTA (UMS) mengetahui aspek-aspek yang terkandung dalam usaha membanteras jenayah pemerdagangan manusia yang dilaksanakan oleh agensi penguatkuasaan di Malaysia khususnya dalam aspek penguatkuasaan undang-undang. Oleh yang demikian, kajian ini membantu menjawab setiap persoalan kajian yang timbul agar penyelesaian segera dapat dilakukan seterusnya golongan akademik ini mampu memberikan sumbangan dalam aspek perkongsian maklumat mengenai isu jenayah pemerdagangan orang dalam konteks masyarakat umum yang bukan hidup dalam suasana masyarakat kampus.

### **Latar Belakang Responden Bagi Kajian Tahap Pengetahuan Pelajar IPTA UMS Terhadap Isu Jenayah Pemerdagangan Orang**

Seramai 450 orang pelajar IPTA (UMS) terlibat dalam kajian ini bagi melihat sejauhmana tahap pengetahuan golongan ini terhadap isu jenayah pemerdagangan manusia. Isu pemerdagangan manusia adalah merupakan fenomena global yang perlu ditangani secara kolektif dan bersepadu. Tanpa sokongan dan kerjasama daripada pihak kerajaan dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terutama penyaluran maklumat daripada masyarakat, usaha kerajaan melalui inisiatif ini tidak akan mencapai matlamatnya, (Norcikeyonn & Nor-Ina, 2014a). Hal yang demikian ini sekali gus dapat memberi gambaran sama ada, golongan akademik ini telah menerima maklumat mengenai isu jenayah ini secara holistik mahupun pada tahap sederhana. Pelajar IPTA (UMS) yang terlibat adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang menuntut pengajian di tiga buah kampus UMS iaitu di Kampus Induk Kota Kinabalu, Sandakan dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**Jadual 1** Latar belakang responden berdasarkan pecahan kampus

| Lokasi        | Bujang     |             | Berkahwin |            | Jumlah (%)                 |
|---------------|------------|-------------|-----------|------------|----------------------------|
|               | Bil        | %           | Bil       | %          |                            |
| UMS Induk     | 333        | 74          | 21        | 4.7        | 354<br>(78.7)              |
| UMSKAL        | 49         | 10.9        | 7         | 1.5        | 56<br>(12.4)               |
| UMS Sandakan  | 40         | 8.9         | 0         | 0          | 40<br>(8.9)                |
| <b>Jumlah</b> | <b>422</b> | <b>93.8</b> | <b>28</b> | <b>6.2</b> | <b>450</b><br><b>(100)</b> |

Majoriti responden yang menjawab borang kaji selidik ini adalah merupakan pelajar dari kampus induk iaitu dari UMS Kampus Kota Kinabalu iaitu seramai 354 orang (79 %). Responden dari UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pula hanya seramai 56 orang (12 %) dan selebihnya adalah responden dari UMS Kampus Sandakan dengan kuantiti respon 40 orang bersamaan (9 %) bagi keseluruhan kajian. Teknik yang digunakan dalam kaedah *non-probability sampling* dalam kajian ini adalah *accidental sampling*. Teknik *accidental sampling* dilakukan dengan prosedur mengedarkan borang kaji selidik kepada setiap responden yang ditemui oleh pengkaji berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan, (Kumar, 1996). Teknik ini digunakan dengan mengambil pendekatan mempertimbangkan aspek ketersediaan (*availability*) dan kesediaan (*willingness*) responden untuk menjawab borang kaji selidik yang diberikan oleh pengkaji, (Slaughnassy & Zech Miester, 2000). Responden yang mendominasi sampel kajian ini adalah dalam kalangan pelajar-pelajar IPTA Kampus induk Kota Kinabalu. Secara amnya, pelajar yang terdapat di dalam kampus induk adalah lebih ramai berbanding pelajar yang terdapat di dua buah cawangan kampus lagi. Jadual seterusnya akan menjelaskan responden berdasarkan pecahan umur.

**Jadual 2** Latar belakang responden berdasarkan pecahan umur

| <b>Lokasi</b> | <b>18-20</b> |            | <b>21-23</b> |             | <b>24-27</b> |             | <b>Jumlah (%)</b>      |
|---------------|--------------|------------|--------------|-------------|--------------|-------------|------------------------|
|               | Bil          | %          | Bil          | %           | Bil          | %           |                        |
| UMS Induk     | 22           | 5          | 159          | 35.3        | 173          | 38.4        | 354<br>(78.7 %)        |
| UMSKAL        | 8            | 1.8        | 32           | 7.2         | 14           | 3.1         | 56<br>(12.1 %)         |
| UMS Sandakan  | 0            | 0          | 23           | 5.2         | 17           | 4           | 40<br>(9.2 %)          |
| <b>Jumlah</b> | <b>30</b>    | <b>6.8</b> | <b>214</b>   | <b>47.7</b> | <b>204</b>   | <b>45.5</b> | <b>450<br/>(100 %)</b> |

Dalam kajian ini julat umur responden yang paling dominan adalah dalam lingkungan 21 hingga 23 tahun iaitu sebanyak (49 %) bersamaan 219 orang pelajar IPTA (UMS). Sehubungan dengan itu juga, (45 %) lagi responden yang ditemui berumur dalam lingkungan usia 24 hingga 27 tahun iaitu seramai 201 orang. Minoriti responden yang ditemui iaitu seramai (6 %) berusia dalam 18 hingga 20 tahun. Pelajar yang terdiri dalam usia 21-23 tahun adalah merupakan pelajar yang melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang. Responden dalam julat umur ini lebih ramai ditemui kerana mereka adalah pelajar sepenuh masa di UMS. 30 orang responden yang ditemui lagi dalam julat usia 18-20 tahun pula adalah merupakan pelajar-pelajar IPTA yang melanjutkan pengajian di peringkat Diploma iaitu pelajar-pelajar Program Asasi Sains yang baru sahaja menamatkan pengajian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

**Jadual 3** Latar belakang responden berdasarkan pecahan gender

| <b>Lokasi</b> | <b>Perempuan</b> |               | <b>Lelaki</b> |               | <b>Jumlah (%)</b>      |
|---------------|------------------|---------------|---------------|---------------|------------------------|
|               | Bil              | %             | Bil           | %             |                        |
| UMS Induk     | 277              | 61.5          | 77            | 17.1          | 354 (78.6%)            |
| UMSKAL        | 30               | 6.7           | 26            | 5.8           | 56<br>(12.5 %)         |
| UMS Sandakan  | 28               | 6.2           | 12            | 2.7           | 40<br>(8.9 %)          |
| <b>Jumlah</b> | <b>335</b>       | <b>74.4 %</b> | <b>115</b>    | <b>25.6 %</b> | <b>450<br/>(100 %)</b> |

Jadual (3) menunjukkan bahawa sebanyak (78 %) responden yang mendominasi kaji selidik ini adalah terdiri dari gender wanita seramai 349 orang. Selebihnya adalah dari gender lelaki dengan catatan jumlah (22 %) bersamaan 101 orang responden. Tiada unsur bias dari segi pemilihan gender responden kerana teknik persampelan adalah menggunakan kaedah *accidental sampling*. Responden yang menjawab borang kaji selidik adalah golongan pelajar yang dipilih dengan pendekatan mempertimbangkan aspek ketersediaan (*availability*) dan kesediaan (*willingness*) responden dalam menjawab borang kaji selidik yang diedarkan.

**Jadual 4** Latar belakang responden berdasarkan pecahan bangsa

| <b>Bangsa</b> | <b>Bilangan Responden</b> | <b>Peratus (%)</b> |
|---------------|---------------------------|--------------------|
| Melayu        | 243 orang                 | 54 %               |
| Bumiputra     | 188 orang                 | 42 %               |
| India         | 9 orang                   | 3 %                |
| Cina          | 3 orang                   | 1 %                |
| <b>Jumlah</b> | <b>450 orang</b>          | <b>100 %</b>       |

Responden bagi kajian ini didominasi oleh responden berbangsa Melayu iaitu seramai 243 orang dengan jumlah peratusan (54%). Responden yang terdiri daripada kaum Bumiputera pula adalah seramai 187 orang bersamaan (42%). Minoriti responden yang menjadi sampel kajian adalah dari bangsa India dan Cina iaitu (3%) dan (1%) dengan jumlah responden 12 orang. Penggunaan bahasa Melayu (standard) digunakan dalam borang kaji selidik ini. Oleh yang demikian, responden yang fasih dalam bahasa Melayu (standard) dijadikan sebagai sasaran utama pengkaji bagi memudahkan proses pengumpulan data.

**Jadual 5** Latar belakang responden berdasarkan pecahan agama

| Agama         | Bilangan Responden | Peratus (%)  |
|---------------|--------------------|--------------|
| Islam         | 390 orang          | 86 %         |
| Kristian      | 48 orang           | 10 %         |
| Hindu         | 9 orang            | 3 %          |
| Buddha        | 3 orang            | 1 %          |
| <b>Jumlah</b> | <b>450 orang</b>   | <b>100 %</b> |

Berdasarkan kepada jadual di atas, seramai 390 orang bersamaan (86%) responden adalah beragama Islam, disusuli oleh responden beragama Kristian (10%) atau 48 orang, Hindu (3%) dan (1%) lagi adalah yang beragama Buddha masing-masing dengan jumlah responden seramai 12 orang pelajar IPTA (UMS).

**Jadual 6** Latar belakang responden berdasarkan tempat asal

| Negeri Asal   | Bilangan Responden | Peratus (%)  |
|---------------|--------------------|--------------|
| Sabah         | 189 orang          | 42 %         |
| Semenanjung   | 188 orang          | 41 %         |
| Sarawak       | 73 orang           | 17 %         |
| <b>Jumlah</b> | <b>450 orang</b>   | <b>100 %</b> |

Responden yang berasal dari negeri Sabah mendominasi sampel bagi kaji selidik ini iaitu seramai 189 orang dengan catatan (42%). Selain itu, responden yang berasal dari negeri-negeri di Semenanjung, Malaysia mencatatkan peratusan (41%) dengan jumlah seramai 188 orang dan 17% lagi iaitu 73 orang responden berasal dari negeri Sarawak.

### Tahap Pengetahuan Pelajar UMS Terhadap Isu Jenayah Pemerdagangan Orang

Tahap pengetahuan pelajar IPTA (UMS) dilihat dan diperjelaskan secara terperinci berdasarkan kepada dapatan kajian berdasarkan borang soal selidik yang dipersembahkan dalam bentuk jadual.

**Jadual 7** Pengetahuan dan kefahaman isu maklumat jenayah pemerdagangan orang

| Lokasi        | Tahu       |             | Tidak Tahu |            | Jumlah (%)       |
|---------------|------------|-------------|------------|------------|------------------|
|               | Bil        | %           | Bil        | %          |                  |
| UMS Induk     | 330        | 73.4        | 24         | 5.3        | 354 (78.7)       |
| UMSKAL        | 52         | 11.5        | 4          | 0.9        | 56 (12.4)        |
| UMS Sandakan  | 40         | 8.9         | 0          | 0          | 40 (8.9)         |
| <b>Jumlah</b> | <b>422</b> | <b>93.8</b> | <b>28</b>  | <b>6.2</b> | <b>450 (100)</b> |

Jadual 7 di atas menunjukkan secara majoritinya responden menyatakan bahawa mereka mengetahui dan memahami tentang isu jenayah pemerdagangan orang sebanyak (94%) bersamaan dengan 422 orang responden. Sebanyak 28 orang responden dengan peratusan kecil (6%) sahaja menyatakan bahawa mereka

tidak tahu dan tidak memahami mengenai isu jenayah ini. Melihat daripada nilai peratusan di atas, ini menunjukkan majoriti responden yang menjadi sampel kajian ini mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi mengenai isu jenayah pemerdagangan orang. Bukan sahaja responden yang ditemui hanya mengetahui mengenai isu jenayah pemerdagangan orang yang berlaku di dunia malah mereka juga turut memahami isu tersebut. Banyak perkara yang boleh menyumbang kepada peningkatan tahap pengetahuan dan kefahaman responden mengenai isu jenayah ini antaranya seperti usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam membantu memberi sumber informasi kepada rakyat dengan pendedahan isu jenayah melalui medium saluran maklumat seperti televisyen, radio dan sebagainya. Tambahan lagi, dunia kini dihujani dengan ledakan informasi tanpa had dan sempadan dengan bantuan teknologi jalur lebar (*internet*).

Media massa memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan sehari-hari kita pada hari ini sehingga setiap orang tidak mungkin dapat mengasingkan diri daripada pengaruhnya, sama ada melalui media cetak maupun media elektronik. Selain itu juga, media merupakan suatu keperluan ataupun instrumen untuk mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa, sukan, pendidikan, kesihatan, dan juga hiburan. Media dalam kehidupan moden kini menjadi amat pantas ekoran daripada perkembangan dunia sains dan teknologi. Di samping itu juga, media massa juga menjadi begitu kompleks serta mampu menimbulkan pelbagai masalah sosial, moral, politik dan ekonomi apabila ia disalahgunakan. Semua jenis komunikasi melalui media begini memungkinkan penyebaran maklumat yang serupa dengan meluas kepada ramai pengguna yang berselerak di merata-rata kawasan. Oleh hal yang demikian, jelas menunjukkan bahawa media massa sangat memberi pengaruh kepada manusia khususnya dalam menyalurkan ilmu pengetahuan terhadap sesuatu informasi.

**Jadual 8** Tahap kebimbangan terhadap isu jenayah pemerdagangan orang


| Tahap kebimbangan | Bilangan Responden | Peratus (%)  |
|-------------------|--------------------|--------------|
| Bimbang           | 407 orang          | 90.5 %       |
| Tidak bimbang     | 43 orang           | 9.5 %        |
| <b>Jumlah</b>     | <b>450 orang</b>   | <b>100 %</b> |

Tahap kebimbangan responden juga turut dilihat dalam kajian ini dan jadual menunjukkan bahawa peratusan tertinggi dicatatkan sebanyak (90.5%) mempunyai perasaan bimbang terhadap isu jenayah pemerdagangan orang dengan jumlah responden seramai 407 orang. 43 orang responden lagi menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai kebimbangan terhadap isu jenayah pemerdagangan orang ini khususnya yang berlaku di Malaysia. Jadual ini telah menjelaskan sepenuhnya bahawa majoriti responden yang menjadi sampel kajian menyatakan kebimbangan mereka terhadap isu jenayah ini. Perasaan bimbang ini berlaku disebabkan responden telah mendengar pelbagai maklumat dan cerita berhubung dengan isu jenayah pemerdagangan manusia yang berlaku dalam negara maupun luar negara melalui medium saluran maklumat yang sedia ada. Hal ini sekaligus menunjukkan bahawa peningkatan sikap prihatin terserlah dalam diri responden kerana mereka turut bimbang akan keseriusan isu jenayah ini tidak kira ia berlaku dalam negara maupun di luar negara.

Terdapat enam indikator yang diketengahkan untuk mengupas dan mengenalpasti tahap pengetahuan responden terhadap aspek penguatkuasaan undang-undang mengenai isu jenayah pemerdagangan orang. Item yang pertama menunjukkan bahawa majoriti responden yang ditemui tidak mengetahui tentang tahap penilaian pematuhan standard minimum isu jenayah pemerdagangan orang iaitu seramai 361 orang responden bersamaan (80%). Hanya (20%) sahaja responden yang mengetahui tentang tahap penilaian pematuhan standard minimum isu jenayah pemerdagangan orang ini iaitu seramai 89 orang dari 450 orang responden secara keseluruhan. Tahap penilaian pematuhan standard minimum adalah merupakan permatuhan standard minimum dalam memerangi jenayah pemerdagangan manusia yang dikeluarkan oleh Jabatan Amerika Syarikat.

Di samping itu juga, tahap pengetahuan responden dikenal pasti daripada aspek kewujudan Akta dan Pelan Tindakan Kebangsaan yang digunakan dalam membanteras isu jenayah pemerdagangan manusia di Malaysia. Majoriti responden menyatakan jawapan mengetahui kewujudan akta dan Pelan Tindakan Kebangsaan adalah seramai 245 orang bersamaan (56.2 %), manakala responden yang menyatakan jawapan tidak pasti dan tidak mengetahui pula adalah seramai 177 orang dan 14 orang. Pengetahuan pelajar tentang pindaan akta yang dilaksanakan pada Akta ATIPSOM juga turut dikenalpasti. Hasil analisis menunjukkan bahawa majoriti responden memberi jawapan tidak pasti iaitu seramai 205 orang (45.6 %), tidak mengetahui

pula mencatatkan jumlah seramai 145 orang (32.2 %) serta responden yang mengetahui mengenai pindaan ATIPSOM adalah cuma seramai 100 orang bersamaan (22.2 %).



Rajah 1 Aspek penguatkuasaan undang-undang mengenai isu jenayah pemerdagangan orang

Seterusnya, pengetahuan responden turut diuji dalam aspek pengetahuan mengenai kewujudan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015) yang digunakan dalam membanteras isu jenayah ini di Malaysia. Secara keseluruhannya, 205 orang (45.6 %) responden menyatakan jawapan tidak pasti, 159 orang (35.3 %) adalah tidak tahu dan selebihnya lagi iaitu dengan jumlah responden seramai 86 orang (19.1 %) mengetahui mengenai kewujudan pelan tindakan ini. Peranan dan fungsi Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015) ini antaranya merumus dan menyelia pelaksanaan Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai pencegahan dan membanteras pemerdagangan manusia termasuklah dalam aspek bantuan dan perlindungan kepada orang yang diperdagangkan.


Visi Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015) adalah selaras dengan konsep Gagasan 1 Malaysia yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia iaitu “1 Malaysia komited secara kolektif untuk membanteras jenayah pemerdagangan orang”, (Jabatan Penerangan Malaysia, 2011). Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015) telah dilancarkan oleh Menteri Dalam Negeri iaitu Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein. Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Seri Mahmood Adam menyatakan bahawa pelan yang dirangka bagi tempoh lima tahun (2010-2015) adalah merupakan antara usaha dan komitmen kerajaan dalam membanteras masalah pemerdagangan orang. Pihak kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai langkah dalam usaha membanteras jenayah ini seperti penubuhan Majlis bagi Antipemerdagangan Orang, di samping mengadakan kerjasama dengan badan-badan antarabangsa dan negara-negara berkuasa besar seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia, (Bernama, 25 Mac 2010).

Selain itu, pengetahuan mengenai kewujudan akta bagi membanteras jenayah pemerdagangan manusia di Malaysia adalah sangat tinggi iaitu seramai 245 orang (54.6 %), manakala responden yang menyatakan jawapan tidak pasti pula adalah seramai 179 orang (39.9 %) dan 25 orang (5.6 %) lagi tidak mengetahui mengenai akta yang digunakan dalam membanteras isu jenayah pemerdagangan manusia. Akta yang digunakan di Malaysia untuk membanteras jenayah ini adalah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (*Act trafficking in person and smuggling of migrant 2007*) atau lebih dikenali sebagai ATIPSOM. Tahap pengetahuan responden dalam fungsi Majlis Anti Pemerdagangan Orang dan Ant Penyeludupan Migran (MAPO) juga turut dianalisis dan dapat menunjukkan bahawa

majoriti responden seramai 196 orang (43.6 %) tidak mengetahui tentang fungsi MAPO, dan selebihnya iaitu tidak pasti adalah seramai 141 orang (31.3 %) dan 113 orang (25.1 %) sahaja yang mengetahui tentang fungsi MAPO.

*The Council for Anti-Trafficking in Persons* (MAPO) menjalankan fungsi sepertimana yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 7 Akta 670 antaranya adalah menyelaraskan pelaksanaan Akta Anti Pemerdagangan Orang (Akta 670) dan merumuskan dasar dan program untuk mencegah dan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. MAPO juga mengendalikan program dan bengkel latihan sepanjang tahun yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran tentang keperluan membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Selain itu juga, MAPO turut mengukuhkan prosedur penguatkuasaan dan kaedah-kaedah siasatan, pengumpulan bukti dan perlindungan mangsa serta meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi Kementerian Dalam Negeri dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), (MAPO, 2011).

Sehubungan dengan itu, majoriti responden yang ditemui iaitu seramai 304 orang (68 %) menyatakan bahawa mereka mengetahui tentang agensi penguatkuasa yang menjalankan tugas membanteras isu jenayah pemerdagangan orang di Malaysia dan selebihnya lagi menyatakan jawapan tidak pasti seramai 131 orang (29 %) dan sebilangan kecil lagi tidak mengetahui iaitu seramai 15 orang (3 %). Lima buah agensi penguatkuasaan yang terlibat sama dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang di Malaysia adalah seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), dan juga Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Kelima-lima agensi ini telah diamanahkan dan diberi mandat untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran (Seksyen 27) Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM), (MAPO, 2011).



Rajah 2 Pengetahuan responden terhadap Agensi Penguatkuasaan yang membanteras isu jenayah pemerdagangan orang

Lima buah agensi penguatkuasa telah disenaraikan untuk melihat sejahteranah tahap pengetahuan responden terhadap agensi penguatkuasa yang terlibat dalam membanteras isu jenayah pemerdagangan orang di Malaysia. Peratusan tertinggi mendapat bahawa responden lebih banyak mengetahui tentang Jabatan Imigresen Malaysia iaitu sebanyak (81 %) bersamaan 365 orang, disusuli oleh Polis Diraja Malaysia (75 %) 338 orang, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dengan peratusan 42 % bersamaan 189 orang serta (39 %) lagi iaitu 176 orang adalah Jabatan Tenaga Kerja Sabah. Rajah di atas telah memberi gambaran bahawa responden yang ditemui mempunyai pengetahuan bahawa Jabatan Imigresen Malaysia adalah agensi penguatkuasaan yang mendominasi agensi-agensi yang telah disenaraikan dalam usaha membanteras isu jenayah pemerdagangan dalam konteks penguatkuasaan undang-undang. Namun demikian, realitinya kelima-lima agensi penguatkuasaan yang terlibat mempunyai peranan yang sama dalam membantu kerajaan membanteras isu jenayah pemerdagangan manusia dalam konteks penguatkuasaan dan perbezaan bagi kelima-lima agensi penguatkuasaan ini adalah terletak pada *Standard Of Procedure* (SOP) yang dijalankan mengikut agensi masing-masing.

**Jadual 9** Pengetahuan tentang Badan Swasta yang terlibat dalam membanteras isu jenayah pemerdagangan orang di Malaysia

| Lokasi        | Tahu       |             | Tidak pasti |             | Tidak tahu |             | <b>Jumlah (%)</b> |
|---------------|------------|-------------|-------------|-------------|------------|-------------|-------------------|
|               | Bil        | %           | Bil         | %           | Bil        | %           |                   |
| UMS Induk     | 89         | 19.8        | 178         | 39.5        | 87         | 19.3        | 354 (78.7)        |
| UMSKAL        | 15         | 3.4         | 7           | 1.5         | 34         | 7.5         | 56 (12.4)         |
| UMS Sandakan  | 11         | 2.5         | 5           | 1.2         | 24         | 5.3         | 40 (8.9)          |
| <b>Jumlah</b> | <b>115</b> | <b>25.7</b> | <b>190</b>  | <b>42.2</b> | <b>145</b> | <b>32.1</b> | <b>450 (100)</b>  |

Berdasarkan kepada jadual di atas, peratusan tertinggi terhadap tahap pengetahuan responden mengenai pertubuhan badan swasta yang terlibat dalam usaha membanteras isu jenayah pemerdagangan manusia di Malaysia adalah pada pilihan jawapan tidak pasti iaitu seramai 190 orang (42%). Peratusan kedua dan terendah pula diwakili oleh jawapan tidak mengetahui seramai 145 orang (32%) dan selebihnya lagi iaitu 115 orang bersamaan (26%) pula mempunyai pengetahuan terhadap pertubuhan badan swasta yang terlibat dalam usaha membanteras isu jenayah pemerdagangan orang di Malaysia. Pertubuhan badan swasta atau badan bukan kerajaan (*Non Goverment Organisation*) adalah merupakan rakan kolaborasi yang baik bagi kerajaan dalam mencari inisiatif bagi mengekang dan membanteras segala bentuk permasalahan yang wujud sama ada dalam negeri maupun luar negara berhubung dengan pelbagai isu termasuklah isu jenayah ini. Hal ini kerana, pihak NGO juga mempunyai hak dan suara mereka untuk mengemukakan persepsi, ideologi serta memberikan sumbangan berbentuk tenaga dan sebagainya untuk membawa negara keluar daripada kemelut isu seperti jenayah pemerdagangan orang yang kian berluasa di setiap negara dunia waima Malaysia sekalipun. Pertubuhan badan bukan kerajaan yang bergiat aktif dalam membantu kerajaan dalam usaha membanteras isu jenayah pemerdagangan orang khususnya di Malaysia adalah seperti Tenaganita dan *The Body Shop* (Jabatan Penerangan, 2010). Jadual seterusnya pula menerangkan tentang tahap kekerapan mangsa jenayah pemerdagangan orang berdasarkan kepada persepsi responden.

**Jadual 10** Tahap kekerapan mangsa jenayah pemerdagangan orang

| Mangsa      | 1<br>(STS) | 2<br>(TS) | 3<br>(KS) | 4<br>(S) | 5<br>(SS) | Min  | Skala | Sisihan<br>piawai |
|-------------|------------|-----------|-----------|----------|-----------|------|-------|-------------------|
| Wanita      | 6.2        | -         | 12.9      | 42.2     | 38.7      | 4.07 | 4     | 1.036             |
| Kanak-kanak | 6.2        | 3.3       | 3.3       | 35.1     | 52.0      | 4.23 | 4     | 1.093             |
| Bayi        | 9.6        | 6.2       | 28.7      | 26.0     | 29.6      | 3.60 | 4     | 1.238             |
| Lelaki      | 22.0       | 26.2      | 22.9      | 19.1     | 9.8       | 2.68 | 3     | 1.276             |

Analisis skor min di atas menunjukkan tahap kekerapan mangsa bagi sindiket jenayah pemerdagangan orang berdasarkan persepsi responden kajian yang terdiri daripada pelajar IPTA (UMS). Majoriti responden berpendapat bahawa golongan yang sering menjadi mangsa dalam jenayah ini adalah kanak-kanak dengan nilai skor min tertinggi iaitu (4.23) dan mencapai skala 4 serta diikuti oleh golongan wanita dengan skor min (4.07) dan bayi (3.60). Mangsa yang terdiri daripada golongan lelaki hanya mencapai skala 3 dengan nilai skor min (2.68). Berdasarkan kepada info statistik, Kementerian Dalam Negeri telah berjaya menyelamatkan 941 orang termasuk kanak-kanak daripada terus menjadi mangsa jenayah pemerdagangan orang bagi tempoh 2008 hingga 31 Januari 2012 yang lepas. Dalam data statistik tersebut, mangsa yang mencatatkan nilai tertinggi sebanyak 562 orang telah diselamatkan adalah wanita diikuti oleh lelaki (261 orang) dan kanak-kanak pula seramai (118 orang). Golongan wanita masih mendominasi jumlah mangsa yang kerap dijadikan sumber dagangan bagi jenayah transnasional ini khususnya bagi memenuhi keperluan pasaran dalam industri eksplotasi seksual.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan dalam artikel ini, penjelasan tentang tahap pengetahuan pelajar IPTA (UMS) terhadap isu jenayah pemerdagangan orang telah diperincikan. Hasil dapatan kaji selidik yang dijalankan secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar IPTA (UMS) adalah tinggi, namun demikian terdapat beberapa aspek pengetahuan lagi yang melibatkan agensi penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang dalam membanteras isu jenayah pemerdagangan orang di Malaysia perlu diperkembang dan dipertingkatkan lagi dari masa ke masa agar siswa dan siswi IPTA (UMS) mempunyai pengetahuan yang sangat luas dan mendalam mengenai isu-isu keselamatan dan hak asasi manusia seperti jenayah pemerdagangan manusia. Pelbagai usaha dan program-program berkaitan bagi membantu meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman para pelajar IPTA (UMS) mengenai isu jenayah pemerdagangan manusia perlu dipergiat lagi secara konsisten agar ilmu pengetahuan mengenai isu jenayah ini mampu memberi impak kepada diri responden yang terlibat supaya tidak menjadi mangsa kepada sindiket jenayah dan sekaligus perkongsian informasi antara responden dengan individu lain dalam kelompoknya dapat diperluaskan. Usaha ini sewajarnya perlu melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak khususnya pihak kerajaan, agensi penguatkuasaan dan juga pihak pentadbiran universiti dalam menyebarluaskan maklumat mengenai isu ini dari peringkat akar umbi secara berterusan.

## BIBLIOGRAFI

- Bernama. 2010a. Pemerdagangan orang, sumber keuntungan ketiga terbesar jenayah terancang antarabangsa. 20 Julai.
- Bernama. 2011a. Malaysia bertungkus-lumus menghapuskan kes pemerdagangan manusia. 30 Mac.
- Bernama. 2011b. Proses Bali tuntut peserta bekerjasama tangani jenayah pemerdagangan orang. 30 Mac.
- Kedutaan Amerika Syarikat. (2011). *Pemerdagangan Manusia (TIP)*. (2011). Diperoleh daripada [http://bahasa.malaysia.usembassy.gov/root/pdfs/tip2011\\_msia\\_bahasa.pdf](http://bahasa.malaysia.usembassy.gov/root/pdfs/tip2011_msia_bahasa.pdf) pada 05 Januari 2014
- Kedutaan Amerika Syarikat (2013a). *Laporan Pemerdagangan Manusia (TIP)*. (2012). Diperoleh daripada [http://bahasa.malaysia.usembassy.gov/report/\\_tip\\_msia-june2012.html](http://bahasa.malaysia.usembassy.gov/report/_tip_msia-june2012.html) pada 05 Januari 2015
- Kedutaan Amerika Syarikat (2013b). *Laporan Pemerdagangan Manusia (TIP)*. (2013). Diperoleh daripada [http://bahasa.malaysia.usembassy.gov/report\\_tip2013.html](http://bahasa.malaysia.usembassy.gov/report_tip2013.html) pada 05 Januari 2015
- Kementerian Dalam Negeri. (2012). Diperoleh daripada <http://portal.ikdn.gov.my/2012/03/kenyataan-media-27-pelancaran-kempen-kesedaran-antipemerdagangan-orang-peringkat-negeri-terengganu-29-mac-2012/> pada 09 Februari 2015
- Kementerian Dalam Negeri Sabah. (2012). Diperoleh daripada <http://www.sabah.gov.my/press/docs/2012001878.htm> pada 06 Februari 2014
- Kementerian Dalam Negeri. (2012). Diperoleh daripada <http://portal.ikdn.gov.my/2012/03/kenyataan-media-27-pelancaran-kempen-kesedaran-antipemerdagangan-orang-peringkat-negeri-terengganu-29-mac-2012/> pada 15 Februari 2015
- Kementerian Dalam Negeri (2013). *Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007*. Diperoleh daripada <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/maklumat-perkhidmatan/2012-08-15-01-17-06/jenis-lesen/125-maklumat-korporat/maklumat-bahagian/sekreteriat-majlis-antipemerdagangan-orang-dan-antipenyeludupan-migran/akta-antipemerdagangan-orang-dan-antipenyeludupan-migran-2007> pada 06 September 2013.
- Kementerian Dalam Negeri. (2013). Diperoleh daripada <http://portal.ikdn.gov.my/2013/11/kenyataan-media-timbalan-menteri-dalam-negeri-pelancaran-prosedur-standard-operasi-sop-agensi-agensi-penguatkuasaan-di-bawah-akta-antipemerdagangan-orang-dan-antipenyeludupan-migran-atipsom-200/> pada 15 Februari 2015
- Kementerian Dalam Negeri. (2014). Diperoleh daripada <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/maklumat-korporat/maklumat-bahagian/bahagian-antarabangsa> pada 15 Februari 2015
- New Sabah Times (2013, 25 Mei). Empat Kawasan Dikenalpasti Destinasi Pemerdagangan Orang di Sabah: Jenifer Norcikeyonn. S, Nor-Ina. K. (2013). Usaha Malaysia Dalam Membanteras Jenayah Pemerdagangan Orang: Satu Tinjauan. *International Journal of Environment, Society and Space*, 2013, 1 (1), 62-74
- Norcikeyonn. S, Nor-Ina. K. (2014a). Pembauran Maklumat Isu Jenayah Pemerdagangan Orang: Satu Penemuan Awal Di Sabah. Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014: Kelestarian Insan Menjana Transformasi Pembangunan Negara Isu, Cabaran dan Masa Depan. Kenegaraan Hubungan Etnik Komuniti. Jilid 2. 9-10 April 2014. Johor, Batu Pahat.
- Norcikeyonn. S, Nor-Ina. K.. (2014b). Isu Jenayah Pemerdagangan Orang Di Zon Maritim Sabah : Cabaran Agensi Penguatkuasaan. Satu Penelitian. *1<sup>st</sup> International Maritime Conference 2014 (IMC2014). Uplifting Maritime*

*Agenda For Togetherness In Harmony.* 21 Oktober 2014. Kampus Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah.

*Sinar Harian.* 2013. Pemerdagangan Orang: Kedudukan Malaysia Masih Sama. 25 Jun:

SUHAKAM. (2011). Hak Asasi Manusia. Diperoleh daripada <http://www.scribd.com/doc/95881014/SUHAKAM-2011> pada 08 Februari 2014

*Utusan Melayu.* Dilema Pemerdagangan Manusia. 01 September 2009.